



**IRSYAD HUKUM
MASJID DAN JEMAAH**

ISRYAD HUKUM MASJID DAN JEMAAH

Cetakan Pertama.....2013

Cetakan Kedua.....2015

Cetakan Ketiga.....2018

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Susunan:

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbitkan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975

Faks: 04-263 2985

Rekabentuk/Urus:

PERCETAKAN HIJRAH

017-944 9891 | 04-390 0312

- NASKHAH PERCUMA -

ISRYAD HUKUM MASJID DAN JEMAAH



MUKA SURAT

HUKUM BERZIKIR DAN BERDOA SECARA <i>ISRAR</i> ATAU <i>JAHR</i>	1
KAEDAH SAMBUNG SAF BAGI SOLAT BERJEMAAH	9
HUKUM MENULIS DAN MENGUKIR AYAT AL-QURAN DI DINDING MASJID DAN SURAU	13
HUKUM MENYEBUT “AMIN” DENGAN KUAT KETIKA KHATIB MEMBACA DOA PADA KHUTBAH KEDUA	20

**HUKUM BERZIKIR DAN BERDOA
SECARA *ISRAR* (SUARA YANG PERLAHAN)
ATAU *Jahr* (SUARA YANG NYARING)**

Pendahuluan

Memperbanyakkan doa dan zikir merupakan antara ibadat yang digalakkan untuk diamalkan. Berzikir kepada Allah SWT semestinya dilakukan pada setiap masa dan dalam apa jua keadaan, sama ada ketika senang mahupun susah. Begitu juga dengan doa, hendaklah sentiasa menjadi amalan lebih-lebih lagi di waktu senang. Ini kerana seseorang yang suka berdoa di waktu senang, maka apabila tiba waktu susah doanya akan mudah diperkenankan oleh Allah SWT Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a :-

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللَّهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْكَرْبِ فَلْيُكْثِرِ
الدُّعَاءَ فِي الرَّخَاءِ
(رواه الترمذي)

Maksudnya : “Barangsiapa yang suka supaya Allah SWT mengkabulkan doanya di waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa di waktu senang.”

(Riwayat al-Tirmidzi)

Seseorang yang selesai menyempurnakan solat fardu, adalah disunat dan dituntut untuk berzikir dengan mengingati Allah SWT serta berdoa, sama ada imam atau makmum dalam solat berjemaah. Begitu juga bagi mereka yang solat bersendirian, termasuklah orang yang sedang musafir.

Perbincangan Dan Dalil

Amalan berzikir dan berdoa selepas solat ini sabit daripada Rasulullah SAW sendiri, seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim. Contoh lafaz doa dan zikir yang *warid* dan diamalkan oleh Rasulullah SAW juga banyak tersusun dan disebut dalam hadis sahih, antaranya yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Bahkan kelebihan berdoa selepas solat fardu juga tidak boleh dipandang ringan dan ditinggalkan begitu sahaja. Diriwayatkan daripada Abu Umamah r.a katanya :-

“Telah ditanya Rasulullah SAW :-

اي الدعاء اسمع ؟ اي اقرب الى الاجابة ؟
قال : جوف الليل الآخر ودبر الصلوات المكتوبات
(رواه الترمذي)

Maksudnya : “Doa apakah yang lebih didengar (dikabulkan)?” Nabi bersabda: “(Doa tatkala) satu pertiga terakhir malam dan doa sesudah solat fardu”.

(Riwayat at-Tirmidzi)

Namun untuk mendapatkan fadilat atau kelebihan yang dimaksudkan, di samping memenuhi syarat-syarat tertentu, orang yang berdoa hendaklah mematuhi adab-adab ketika berdoa dengan sebaik mungkin.

Dalam Islam semua ibadat mempunyai rukun-rukun, syarat-syarat dan adab-adabnya atau mana-mana yang berkenaan. Demikian juga ketika berzikir dan berdoa ada adab-adabnya, antaranya merendahkan suara di antara suara perlahan dan nyaring. Perkara ini telah disebut dalam al-Quran, antaranya :-

أَدْعُوا رَبَّكُمْ نَضُّعًا وَخَفِيَّةً

Maksudnya : “Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) yang perlahan”

(Surah al-A'raf : 55)

Firman Allah SWT:-

وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

Maksudnya : “Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau solatmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.”

(Surah al-Isra' : 110)

Imam Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abi Musa, katanya:

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكُنَّا إِذَا أَشْرَفْنَا عَلَى
وَادٍ،
هَلَّلْنَا وَكَبَّرْنَا ارْتَفَعَتْ أَصْوَاتُنَا

Maksudnya : Ketika kami sedang bersama Nabi SAW, di waktu kami telah menghampiri jurang, maka kami bertahlil dan bertakbir dengan suara yang keras berkumandang.

Rasulullah SAW bersabda :-

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ارْبُعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ فَإِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمًّا وَلَا غَائِبًا، إِنَّهُ
مَعَكُمْ إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ تَبَارَكَ اسْمُهُ وَتَعَالَى جَدُّهُ

(رواه البخاري)

Maksudnya : “Wahai Manusia! Berlembutlah (rendahkanlah suara) kamu terhadap diri kamu. Maka sesungguhnya kamu tidak berdoa kepada yang tuli dan tidak juga yang ghaib (tidak bersama kamu). Sesungguhnya Dia bersama kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Dekat, Maha Berkat nama-Nya dan Maha Tinggi kebesaran-Nya.”

(Riwayat al-Bukhari)

Maksud *Israr* (perlahan) dan *Jahr* (nyaring)

Israr dalam bacaan solat dan zikir menurut istilah fiqh ialah memperlakan suara yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri (seperti orang yang berbisik) tanpa didengar oleh orang lain dan sekurang-kurang *israr* ialah bunyi yang keluar dari pergerakan lidah.



Jahr pula dari segi bahasa ialah menampakkan sesuatu dan ketinggiannya. Menurut istilah pula bererti menampakkan sesuatu atau memperlihatkannya seperti meninggikan suara dengan nyaring ketika solat sehingga dapat didengari oleh orang lain.

Adapun yang dimaksudkan dengan bacaan pertengahan di antara *jahr* dan *israr* itu ialah suara yang pada kebiasaannya didengar antara keduanya, iaitu bacaan yang nyaring sedikit daripada bacaan yang hanya didengar oleh dirinya sendiri dan tidak sampai suara bacaan itu kepada orang lain kecuali secara perlahan sahaja.

Berdoa Secara *Israr* Atau *Jahr*

Dalam perkara doa dan zikir selepas solat fardu, bagaimanakah cara yang utama yang dianjurkan oleh syarak untuk dilakukan, apakah disunatkan *israr* atau *jahr*?

Hukum mengenai perkara ini bergantung kepada keadaan tertentu. Menurut ulama' bahawasanya sunat berzikir dan berdoa setelah selesai solat fardu dengan suara perlahan (*israr*) bagi :-

- 
- 
- a. *Munfarid*, iaitu orang yang mengerjakan solat seorang diri.
 - b. Makmum.
 - c. Imam, jika dia tidak bermaksud mengajar para hadirin atau para jemaah dan tidak bermaksud supaya para hadirin mengaminkan doanya (imam) ketika mendengar doanya itu.

Sebaliknya jika seorang imam itu bertujuan untuk membimbing makmum, maka bolehlah *dijahrkan* kedua-duanya, iaitu zikir dan doa itu, selagi **tidak mengganggu** para jemaah lain yang sedang solat. Hujahnya seperti berikut :-

وقال الشافعي في الام أختار للإمام والمأموم أن يذكر الله تعالى بعد السلام من الصلاة ويخفي الذكر إلا أن يكون إماما يريد أن يتعلم منه فيجهر حتي يري انه قد تعلم منه ثم يسر فان الله تعالى يقول ولا تجهر بصلاتك ولا تخافت بها يعني والله أعلم الدعاء ولا تجهر حتى تسمع غيرك ولا تخافت حتى لا تسمع نفسك. إنتهى. (فائدة) قال شيخنا أما المبالغة في الجهر بهما في المسجد بحيث يحصل تشويش على مصل فينبغي حرمتها

Maksudnya : Berkata Imam Al-Syafie di dalam Al-Umm :
“Saya memilih bagi imam dan makmum hendaklah berzikir ke hadrat Allah setelah memberi salam, mereka melakukannya secara perlahan kecuali imam yang bermaksud untuk mengajar (supaya dapat diikuti), maka bolehlah dengan suara yang keras dan setelah mengetahui bahawa makmum telah dapat mengikutinya, maka kembalilah berzikir dengan suara yang perlahan. Sesungguhnya Allah SWT berfirman : “Dan janganlah kamu meninggikan suara di dalam solat (doa) kamu dan janganlah kamu merendahkan suara padanya (yakni doa), janganlah ditinggikan suara sehingga didengari oleh orang lain dan jangan pula direndahkan sehingga kamu sendiri tidak mendengarnya. Selesai. (faedah)

Berkata Guru kami : Adapun keterlaluan mengangkat suara di dalam masjid ketika berzikir dan berdoa sehingga mengganggu orang yang sedang mengerjakan solat, maka sayugia dihukumkan haram.

(حاشية إعانة الطالبين للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد البكري ابن السيد محمد شطا الدمياطي على حل الفاظ
فتح المعين،
صفحة 185-186، المجلد الأول، دار الفكر)

Menyaringkan Suara Sehingga Menimbulkan Gangguan

Adalah **makruh** hukumnya bagi orang yang berzikir, orang yang berdoa, orang yang membaca al-Quran di luar solat, orang yang berceramah atau guru yang mengajar (mengikuti waktu tertentu), menyaringkan atau mengangkat suaranya sehingga menimbulkan gangguan kepada orang lain yang berada di dalam masjid seperti orang yang sedang tidur, orang yang sedang bersolat dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun sebagai langkah berhati-hati, orang yang bukan bersolat hendaklah juga menjaga agar jangan sampai berlebih-lebihan pada mengangkat suara sehingga benar-benar mengganggu atau menyulitkan orang yang **sedang bersolat**. Ini kerana terdapat pendapat ulama yang mengatakan adalah haram jika seseorang itu berzikir atau berdoa secara berlebih-lebihan di dalam masjid sehingga mengganggu orang yang bersolat. Ini sebagaimana yang dinukilkan oleh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari *Rahimahullah* bahawa Imam Ibnu Hajar *Rahimahullah* berkata :-

أما المبالغة في الجهر بهما في المسجد بحيث يحصل
تشويش على مصل فينبغي حرمتها

Maksudnya: “Adapun berlebih-lebihan (keterlaluan) pada mengangkat suara di dalam masjid ketika berzikir dan berdoa sehingga mengganggu orang yang sedang mengerjakan solat, maka sayugia dihukumkan haram.”

(حاشية إعانة الطالبين للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد البكري ابن السيد محمد شطا الدمياطي على حل الفاظ
فتح المعين،
صفحة 186، المجلد الأول، دار الفكر)

(فائدة) جماعة يقرأون القرآن في المسجد جهرا،
وينتفع بقراءتهم أناس، ويتشوش آخرون، فإن كانت
المصلحة أكثر من المفسدة فالقراءة أفضل، وإن
كانت بالعكس كرهت. اه فتاوى النووي (مسئلة ك) :
لا يكره في المسجد الجهر بالذكر بأنواعه، ومنه
قراءة القرآن إلا إن شوش على مصل، أو آذي نائما،
بل إن كثر التأذي حرم فيمنع منه حينئذ،

Maksudnya : (Faedah) berkumpul membaca al-Quran di dalam masjid secara jahr (bacaan secara kuat) dan memberi manfaat kepada sebahagian manusia serta mengganggu sebahagian yang lain, jika perbuatan tersebut membawa masalah (kebaikan) yang lebih daripada keburukkan, maka perbuatan tersebut adalah afdhal dan jika sebaliknya (membawa keburukan) maka hukumnya makruh, menurut pandangan Imam al-Nawawi. (Masalah) tidak makruh berzikir secara jahr di dalam masjid dan seumpama dengannya, seperti membaca al-Quran, melainkan jika perbuatan tersebut mengganggu orang lain yang sedang solat atau menyakitkan (mengganggu) orang yang sedang tidur, bahkan jika keterlaluhan, haram hukumnya dan ditegah daripada berbuat demikian.....

(بغية المسترشدين، السيد عبدالرحمن بن محمد بن حسين بن عمر المشهور باعلوى مفتي الديار الحضرمية،
صفحة 66، دار الفكر)



Kesimpulan

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2012, bertarikh 29 Mac 2012 bersamaan 06 Jamadil Awal 1433 telah memutuskan bahawa :-

- i. Bagi orang yang solat seorang diri dan makmum, adalah lebih baik berdoa dengan **suara yang perlahan** sekadar hanya dapat didengari oleh dirinya sendiri.
- ii. Manakala bagi solat berjemaah pula, adalah sunat bagi imam membaca zikir dan doa dengan suara sekadar boleh didengari oleh para jemaahnya, jika ia bertujuan untuk mengajar mereka (jemaah) atau untuk mereka sama-sama mengaminkan doa yang dibacakan oleh imam, tetapi **janganlah sampai mengganggu** para jemaah lain yang sedang melaksanakan solat dan ibadah yang lain.

KAEDAH SAMBUNG SAF BAGI SOLAT BERJEMAAH

Pendahuluan

Solat berjemaah adalah fardu kifayah bagi orang lelaki yang baligh dan berakal sama ada di masjid atau surau. Tidak ada lapangan yang lebih baik yang akan menyempurnakan perkenalan serta persaudaraan sesama mereka, selain daripada lapangan masjid atau surau, iaitu orang-orang Islam dapat bertemu sesama mereka untuk mendirikan solat secara berjemaah sebanyak lima kali sehari. Namun terdapat beberapa permasalahan hukum berkaitan kedudukan saf yang perlu diperjelaskan.

Penjelasan

1. Imam Dan Makmum Berada Dalam Masjid

Sah berjemaah, walaupun kedua-duanya (imam dan makmum) berjauhan.

- a) **Sah** berjemaah, jika kedudukan imam dan makmum diselangi oleh binaan seperti telaga atau sutuh atau menara atau seumpamanya, selagi terdapat pintu sekadar yang boleh dilalui untuk pergi kepada imam walaupun terpaksa berpaling daripada kiblat atau membelakangkan kiblat atau semua pintunya berkunci dengan kunci besi selagi ianya tidak dipaku.
- b) Jika diselangi dengan binaan yang tidak dapat dilalui untuk pergi kepada imam atau pagar besi atau semua pintunya dipaku, **tidaklah** sah berjemaah.

2. Berjemaah Bukan Dalam Masjid

Solat berjemaah di padang atau binaan (selain masjid). Dalam hal ini disyaratkan :-

- a) Kedudukan imam dan makmum, begitu juga kedudukan antara satu saf dengan saf yang lain atau antara dua orang daripada yang mengikut imam di belakang atau pihaknya tidak berjauhan (tidak melebihi 300 hasta).
- b) Tidak dipisahkan dengan dinding antara imam dan makmum. Jika dinding itu mempunyai pintu yang terbuka dan terdapat seorang berdiri berbetulan dengannya (pintu), maka sahlah mengikuti orang yang berdiri berbetulan pintu tersebut dan orang yang di belakangnya atau di sisinya.
- c) Sah berjemaah antara imam dan makmum yang diselangi oleh jalan raya yang sibuk dengan laluan atau diselangi sungai yang perlu direnanginya untuk pergi kepada imam.

3. Tempat Berjemaah Yang Berbeza

Iaitu imam solat di dalam masjid, sedangkan makmum solat di luar masjid (bukan ruang masjid seperti balai lintang atau ruang yang tidak diisytihar sebagai masjid) atau sebaliknya, keadaan ini sah jemaahnya dengan syarat :-

- a) Jaraknya tidak melebihi 300 hasta, antara tepi masjid dengan orang yang solat di luarnya.
- b) Tidak dipisahkan antara keduanya oleh dinding. Jika dinding itu mempunyai pintu yang terbuka dan terdapat seorang berdiri berbetulan dengannya (pintu), maka sahlah mengikuti orang yang berdiri berbetulan pintu tersebut dan orang yang di belakangnya atau di sisinya.

(ولو كان أحدهما فيه) أى المسجد (والآخر خارجه شرط) مع قرب المسافة بأن لايزيد ما بينها على ثلثمائة ذراع تقريبا (عدم حائل) بينهما يمنع مروراً أو رؤية (أو وقوف واحد) من المأمومين (حذاء منفذ) في الحائل إن كان كما إذا كانا ببناءين كصحن وصفة من دار أو كان أحدهما ببناء و الآخر بفضاء فيشترط أيضا هنا ما مر فإن حال ما يمنع مروراً كثنباك أو رؤية كباب مردود وإن لم تغلق ضبته لمنعه المشاهدة وإن لم يمنع الإستطراق ومثله الستر المرخى أو لم يقف أحد حذاء منفذ لم يصح الإقتداء فيهما...

*Maksudnya : Jika salah seorang imam atau makmum berada di dalam masjid dan seorang lagi berada di luar masjid (ruang bukan masjid) disyaratkan **jarak** antara kedua-duanya tidak melebihi **300 hasta**, (disyaratkan) **tiada penghadang** antara keduanya yang **menghalang** daripada lalu, atau melihat, atau berdiri seorang makmum berbetulan dengan pintu (ruang terbuka) jika ada penghadang. Begitu juga, jika kedua-duanya berada di dalam **dua bangunan** seperti kawasan tengah rumah dan beranda / koridor, atau salah seorang berada di dalam bangunan dan seorang lagi berada di kawasan lapang, maka disyaratkan seperti yang telah lalu (syarat seperti di atas). Jika **terhalang** daripada **berjalan** (menuju kepada imam) seperti wujudnya tingkap atau **terhalang** daripada **melihat imam** seperti pintu yang tertutup sekalipun tidak dikunci, kerana ianya **menghalang** daripada **melihat** (imam atau saf di hadapan atau di tepinya), dan jika tidak menghalang daripada menuju kepada imam sekalipun dan seumpamanya (pintu yang tertutup), kain tebal yang labuh atau tiada seorang makmum yang berada berbetulan pintu, **tidak sah** mengikut imam pada kedua-dua keadaan tersebut (terhalang daripada berjalan,*

kerana wujudnya tingkap atau terhalang daripada melihat seperti wujud pintu yang tertutup, atau tiada seorang makmum yang berdiri berbetulan pintu atau ruang terbuka).

(حاشية إعانة الطالبين للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد البكري ابن السيد محمد شطا الدميّاطي على حل الفاظ
فتح المعين ،
صفحة 28، المجلد الثاني، دار الفكر)

Dalam kes berjemaah bukan di dalam masjid atau tempat berjemaah yang berbeza (imam berada di dalam masjid manakala makmum berada di luar masjid atau sebaliknya), disyaratkan pergerakan makmum untuk mendapatkan imamnya adalah seperti berikut :-

.....supaya dapat lalu berjalan mendapat akan imamnya, (hendaklah) dengan jalan yang beradat tiada membelakangi kiblat dan tiada mengapa pada lalunya itu menganan dan mengirikan kiblat.....

(بغية الطلاب لمريد معرفة الأحكام بالصواب، الشيخ داود بن عبدالله بن ادريس الفطاني، صفحة 185 ،
الجزء 1- 2، مطبعة بن حلابي فطاني تايلند)

HUKUM MENULIS DAN MENGUKIR AYAT AL-QURAN DI DINDING MASJID DAN SURAU

Pendahuluan

Menjadi satu amalan bagi masyarakat Islam di negara kita meletakkan pelbagai ayat-ayat al-Quran di rumah, masjid, surau dan lain-lain tempat sebagai hiasan. Ayat-ayat al-Quran tersebut ditulis atau dihias secara khusus dengan mementingkan seni penulisan khat yang pelbagai sehingga ia sukar dibaca. Adakah hal ini bertepatan dengan kehendak Islam, sedang al-Quran itu selain menjadi petunjuk dan panduan kepada umat Islam ia diberi pahala apabila membacanya. Di antara takrif al-Quran ialah :-

هو كلام الله، المنزل على نبينا محمد صلى الله عليه
وسلم،
المعجز في لفظه ومعناه، المنقول إلينا بالتواتر،
المتعبد بتلاوته

Maksudnya : *Al-Quran itu merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, menjadi mukjizat pada lafaz dan maknanya, dipindahkan kepada kita (seluruh umat Islam) secara mutawatir dan menjadi ibadat apabila membacanya.*

Jika membacanya pun tidak betul atau tidak langsung dapat membacanya apakah faedahnya lagi tulisan tersebut melainkan hanya hiasan semata-mata.

Perbincangan ini lebih menjurus kepada mengukir ukiran atau menulis tulisan ayat-ayat suci al-Quran di bahagian hadapan mihrab atau di dinding masjid-masjid

Perbincangan dan Hujah

Pandangan para ulama' berkaitan penulisan khat di dinding dan mihrab masjid (dan surau) adalah seperti berikut :-

Mazhab Maliki : Jika ditulis (diukir) pada dinding kiblat, hukumnya **makruh** kerana boleh mengganggu konsentrasi atau kekhusyukan orang yang sedang solat, sama ada yang ditulis itu ayat al-Quran atau ayat-ayat yang lain. Tidak makruh jika ditulis selain daripada dinding arah kiblat.

Mazhab Syafie : **Makruh** menulis (mengukir) sesuatu daripada ayat al-Quran pada dinding atau atap (bumbung) masjid. Haram pula jika menyandarkan badan pada tulisan ayat al-Quran sama ada belakang atau tepi badan.

Mazhab Hanbali : **Makruh** menulis (mengukir) pada dinding atau atap masjid (bumbung). Jika dilakukan dengan menggunakan **harta wakaf**, hukumnya **haram** dan pelakunya wajib menggantikannya. Jika tulisan itu dibuat daripada hartanya sendiri, maka tidak boleh menarik balik hartanya dengan cara mewakafkannya.

Mazhab Hanafi : Menulis (mengukir) pada dinding masjid sebaiknya **tidak sepatutnya** dilakukan, sebab dibimbangi jika tulisan itu jatuh ia menjadi hina apabila dipijak.

(الفقه على المذاهب الأربعة, عبد الرحمن الجزيري, صفحة 290, الجزء الأول, دار الفكر بيروت)

(لبنان, 1990/1411)

ومكروهة من أمثلتها زخرفة المساجد

Maksudnya : *Dan (bidaah) yang makruh, di antara contohnya ialah ukiran hiasan di masjid-masjid.*

(حاشية إعانة الطالبين للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد البكري ابن السيد محمد شطا الدمياطي على حل الفاظ فتح المعين ،
صفحة 271، المجلد الأول ، دار الفكر)

مذهبنا أنه يُكره نقش الشيطان والثياب بالقرآن، وبأسماء الله تعالى
لا تجوزُ كتابة القرآن بشيءٍ نجسٍ، وتُكره كتابته على الجدران عندنا

Maksudnya : *Dalam mazhab kami, bahawa sesungguhnya dimakruhkan mengukir al-Quran pada tembok dan baju, sekalipun menulis nama-nama Allah SWT. Tidak harus menulis ayat al-Quran dengan sesuatu yang najis. Dan bagi kami, makruh hukumnya menulis al-Quran di dinding.*

(التبيين في آداب حملة القرآن، الامام أبي زكريا بن شرف النووي رحمه الله تعالى، صفحة 172)

ومن حرمة ألا يُكتب على الأرض ولا على حائط
كما يُفعل به في المساجد المُحدثة، حدثنا محمد بن
علي الشقيقي عن أبيه عن عبد الله بن المبارك عن
سفيان عن محمد بن الزبير قال : سمعت عمر بن
عبد العزيز يُحدِّث قال : « مرَّ رسولُ الله صلى الله
عليه وسلم بكتاب في أرض فقال لشاب من هذيل : ما
هذا قال : من كتاب الله كتبه يهودي ، فقال : لعن الله
من فعل هذا ، لا تضعوا كتاب الله إلا موضعه » قال
محمد بن الزبير : رأى عمر بن عبد العزيز ابناً له
يكتب القرآن على حائط فضربه

Maksudnya : Dan daripada menghormati al-Quran itu ialah larangan menulis (ayat al-Quran) di atas bumi atau ditulis di dinding seperti yang dilakukan di masjid-masjid sekarang ini. Telah menceritakan Muhammad bin Ali al-Syaqiqi daripada ayahnya daripada Abdullah bin Mubarak daripada Sufyan daripada Muhammad bin al-Zubair : Aku mendengar Umar bin Abdul Aziz menceritakan : Rasulullah SAW telah melalui satu tempat yang ditulis ayat al-Quran di atas bumi. Lalu Rasulullah SAW berkata kepada seorang pemuda daripada Huzail : Apakah ini? Jawab pemuda itu : Ini adalah daripada kitab Allah ditulis oleh seorang Yahudi. Sabda Rasulullah SAW : Allah melaknat sesiapa yang berbuat sedemikian dan jangan meletakkan al-Quran itu melainkan pada tempat yang sepatutnya. Berkata Muhammad bin al-Zubair : Umar bin Abdul Aziz telah melihat anaknya menulis ayat al-Quran di atas dinding, lalu memukulnya.

(الجامع لأحكام القرآن، لأبي عبد الله محمد بن أحمد الأنصاري القرطبي، صفحة 37، المجلد الأول، دار الفكر، 1414/1993)

وَلَوْ كُتِبَ الْقُرْآنُ عَلَى الْحَيْطَانِ وَالْجُدْرَانِ بَعْضُهُمْ قَالُوا : يَرْجَى أَنْ يَجُوزَ، وَبَعْضُهُمْ كَرِهُوا ذَلِكَ مَخَافَةَ السُّقُوطِ تَحْتَ أَقْدَامِ النَّاسِ، كَذَا فِي فَتَاوَى قَاضِي خَانَ

Maksudnya : Dan jika al-Quran ditulis pada tembok atau dinding, sebahagian mereka berkata, diharapkan hal itu diharuskan, dan sebahagian mereka membencinya (makruh), kerana bimbang apabila al-Quran itu gugur dan berada di bawah kaki manusia (atau berada di bawah kaki pada bangunan yang bertingkat). Demikian sebagaimana difatwakan oleh Qadhi Khan.

(الفتاوى الهندية في مذهب الإمام الأعظم أبي حنيفة النعمان، العلامة الهمام مولانا الشيخ نظام وجماعة من علماء الهند الأعلام، صفحة 323، المجلد الخامس، دار الفكر، الطبعة الثانية، 1310)

Selain itu dibimbangi berlaku bermegah-megah dan berbangga-bangga dengan masjid masing-masing di kalangan masyarakat Islam, seperti mengeluarkan kata-kata “*masjid kami lebih tinggi, lebih cantik terhias, lebih bagus*” dan sebagainya. Semua kata-kata itu terbit daripada angkara riak, mencari nama dan mahukan pujian. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW :-

روى أحمد، وأبو داود، والنسائي، وابن ماجه،
وصححه ابن حبان، عن أنس، أن النبي صلى الله
عليه وسلم قال : لا تقوم الساعة، حتى يتباهى الناس
بالمساجد.

ولفظ ابن خزيمة : يأتى على الناس زمانٌ يتباهون
بالمساجد ، ثم لا يعمرونها إلا قليلاً

(أبو داود: كتاب الصلاة - باب في بناء المساجد (1 / 311) رقم (449)، والنسائي: (كتاب المساجد - باب
المباهاة في المساجد (2 / 32) رقم (689)، وابن ماجه: كتاب المساجد - باب تشييد المساجد (1 / 244) رقم
(739)، ومسنند أحمد (3 / 134، 145، 152)، وصحيح ابن خزيمة رقم (1321، 1323)، وموارد الضمان،
حديث (307)، واللفظ الثاني ضعيف، انظر: تمام المنة (294))

Maksudnya : *Diriwayatkan Ahmad, Abu Daud, Nasaie, Ibnu Majah, disahihkan oleh Ibnu Hibban, daripada Anas, sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda : Tidak akan berlaku kiamat sehinggalah manusia bermegah-megah dan berbangga-bangga dengan masjid masing-masing. Dan lafaz daripada Ibnu Khuzaimah : Akan tiba satu zaman di mana manusia itu sering berbangga-bangga dengan masjid mereka, kemudian mereka tidak meng'imarakannya kecuali sedikit sahaja (yang meng'imarakannya).*

Kesimpulan

Bagi mengelak daripada kekeliruaan dan menarik perhatian kepada pihak-pihak yang berkenaan, masjid-masjid yang telah sedia ada ukiran-ukiran atau tulisan-tulisan di mihrab atau di dinding dan sebagainya supaya tidak merasa cemas dan tergesa-gesa bertindak membuang ukiran-ukiran atau tulisan yang sedia ada di masjid mereka kerana tindakan yang seumpama itu membawa kepada kerugian terhadap perbelanjaan yang telah dibelanjakan. Lagipun perkara itu dari segi hukum adalah makruh, tambahan pula menurut kaedah :-



يغتفر في البقاء ما لا يغتفر في الإبتداء

Maksudnya : *Diberi kemaafan di atas keterlanjuran perkara yang sedia ada, sebaliknya tidak diberi kemaafan untuk memula atau mengadakannya.*

Membuat ukiran atau menulis tulisan ayat-ayat suci al-Quran di bahagian hadapan mihrab atau di dinding masjid-masjid adalah di antara perkara yang tidak digalakkan oleh Islam. Termasuk juga dalam hal ini segala tulisan selain ayat al-Quran yang diletakkan di bahagian hadapan (dalam) masjid yang boleh mengganggu konsentrasi dan kekhusyukkan orang yang sedang menunaikan solat.

Panduan penulisan khat di masjid adalah seperti berikut:

- Khat ayat Kursi yang telah diletakkan di hadapan mihrab secara kekal adalah makruh hukumnya kerana boleh mengganggu konsentrasi atau kekhusyukan orang yang sedang solat.
- Tidak makruh jika ditulis selain daripada dinding arah kiblat atau jika ditulis di bahagian hadapan hendaklah diletakkan di tempat yang tinggi serta tidak dapat dilihat (luar daripada pandangan mata) oleh orang yang sedang mengerjakan solat.

- 
- 
- Jika perbelanjaan bagi membuat tulisan khat tersebut menggunakan sumber daripada wang tabung masjid maka pihak yang melaksanakannya hendaklah menggantikan semula wang tersebut.
 - Jika pihak masjid berhasrat menulis ayat al-Quran adalah dinasihatkan menggunakan *Rasm Uthmani* sahaja dan perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri.

HUKUM MENYEBUT “AMIN” DENGAN KUAT KETIKA KHATIB MEMBACA DOA PADA KHUTBAH KEDUA

Seringkali berlaku ketika khatib menyampaikan khutbah, khususnya pada khutbah yang kedua, para makmum akan mengaminkan doa yang dibaca oleh khatib dengan suara yang kuat atau nyaring. Perbuatan tersebut sebenarnya adalah termasuk di dalam perkara bidaah yang dikeji. Ini berdasarkan hujahan seperti berikut :-

وأما التأمين على ذلك جهرا فالأولى تركه لأنه يمنع الإستماع ويشوش على الحاضرين من غير ضرورة ولا حاجة اليه. وأما ما أطبق الناس عليه من التأمين جهرا سيما مع المبالغة فهو من البدع القبيحة المذمومة فينبغي تركه

Maksudnya : *Adapun mengucapkan “amin” secara kuat oleh makmum ketika khatib membaca doa pada khutbah kedua, **lebih utama ditinggalkan** kerana ia menghalang daripada mendengar khutbah dan mengganggu para jemaah yang hadir serta tidak perlu kepada ucapan “amin” yang kuat. Adapun apa yang telah disepakati (dilakukan) oleh orang ramai iaitu mengucap “amin” secara kuat serta berlebihan termasuk di dalam perkara-perkara **bidaah yang keji**, maka sepatutnya ditinggalkan.*

(حاشية إعانة الطالبين للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد النكري ابن السيد محمد شطا
الديمياطي على حل الفاظ فتح المعين، صفحة 67، المجلد الثاني، دار الفكر)

RUJUKAN

1. حاشية إغاثة الطالبين، للعلامة أبي بكر المشهور بالسيد البكري ابن السيد محمد شطا الديمياطي على حل الفاظ فتح المعين، المجلد 1&2، دار الفكر
2. (بغية المسترشدين، السيد عبدالرحمن بن محمد بن حسين بن عمر المشهور بأعلوى مفتي الديار الحضرمية، دار الفكر)
3. (بغية الطلاب لمريد معرفة الأحكام بالصواب، الشيخ داود بن عبدالله بن ادريس الفطاني، الجزء 1-2، مطبعة بن حلالي فطاني تأيلاً)
4. (الفتحة على المذاهب الأربعة، عبد الرحمن الجزيري، الجزء الأول، دار الفكر بيروت لبنان، 1411H/1990M)
5. (التبيان في آداب حملة القرآن، الامام أبي زكريا بن شرف النووي رحمه الله تعالى)
6. (الجامع لأحكام القرآن، لأبي عبدالله محمد بن أحمد الأنصاري القرطبي، المجلد الأول، دار الفكر، 1414H/1993M)
7. (الفتاوى الهندية في مذهب الإمام الأعظم أبي حنيفة النعمان، العلامة الهام مولانا الشيخ نظام وجماعة من علماء الهند الأعلام، المجلد الخامس، دار الفكر، الطبعة الثانية، 1310H)
8. (أبو داود: كتاب الصلاة - باب في بناء المساجد (1 / 311) رقم (449)، والنسائي: (كتاب المساجد - باب المباهة في المساجد (2 / 32) رقم (689)، وابن ماجه: كتاب المساجد - باب تشييد المساجد (1 / 244) رقم (739)، ومسنند أحمد (3 / 134، 145، 152)، وصحيح ابن خزيمة رقم (1321، 1323)، وموارد الظمان، حديث (307)، واللفظ الثاني ضعيف، انظر: تمام المنة (294))
9. Matla' al Badrain wa Majma' al Bahrain, Muhammad bin Ismail asy Syeikh Daud Fatani, Maktabah wa Matba'ah Muhammad al Nahd wa Auladah